

09/06/2003

Budak dua tahun catat rekod berenang 50 meter

Maizura Ismail

KUALA LUMPUR: Usia bukan penghalang bagi Kam Su-Sze yang berusia dua tahun

enam bulan untuk mencatat nama dalam Malaysian Book of Records (MBR) sebagai budak pertama berenang 50 meter tanpa henti.

Rekod sebagai budak berenang jarak paling jauh itu dicatatkan pada 3 Jun

lalu di hadapan wakil MBR dan media Singapura untuk laporan khas pencapaiannya serta rakaman video.

Pencapaian ditunjukkan khas kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad itu akan dicatatkan dalam edisi keempat MBR yang akan dikeluarkan

pada Januari tahun depan.

Majlis penyerahan sijil pengesahan oleh Pengarah Urusan MBR, Datuk Danny

Ooi diadakan di Pusat Masyarakat Sierra Mas Resort Homes, semalam.

Bagaimanapun, pada majlis itu Su-Sze gagal menamatkan renang sejauh 50 meter kerana penat menjalani latihan intensif selama lima hari sepanjang minggu.

Kemampuan Kam Su-Sze adalah hasil latihan 45 minit setiap minggu sejak pertengahan Ogos lalu di bawah pengawasan jurulatihnya, Sam Tan Cheng San.

Ibunya, Cheong Kim Tho, 39, berkata idea menjadikan anaknya pakar berenang tercetus bagi menenangkan perasaan apabila bimbangkan keselamatannya yang sering ditinggalkan di rumah yang dilengkapi kolam renang dan kolam ikan bersama orang gajinya.

Bagaimanapun, beliau tidak menyangka latihan sebagai persediaan kemungkinan anaknya menghadapi kemalangan atau kejadian tidak diingini membuah hasil serta menzahirkan potensinya sehingga mencatat nama dalam MBR.

"Pada mulanya Su-Sze akan menangis apabila kami sebut perkataan berenang

atau nama jurulatihnya. Bagaimanapun, selepas lama menjalani latihan beliau mula menunjukkan potensi.

Februari lalu, Su-Sze berenang jarak lebar kolam renang bersaiz olimpik

sehingga 21 meter. Selepas 10 bulan latihan beliau berenang jarak keseluruhan kolam renang 50 itu dengan mudah.

Su-Sze turut dilantik sebagai duta pusat pembangunan minda kanak-kanak berusia tiga bulan hingga enam tahun, Shichida Method Sdn Bhd sejak Ogos lalu. Beliau kini berupaya mengira satu hingga sepuluh dalam 12 bahasa.

"Rekod Su-Sze tepat pada masanya dengan cabaran Dr Mahathir yang dilemparkan kepada generasi muda supaya berusaha mencatat rekod baru," kata Ooi.